



**YB DATO SERI DR. SHAHIDAN KASSIM**  
**MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**MAJLIS CABUTAN KERJA UNDI PERBADANAN  
PUTRAJAYA BILANGAN 2 BAGI TAHUN 2022**

**27 JULAI 2022 (RABU)**  
**3.00 PETANG**  
**DEWAN SRI SEROJA, PRESINT 15**  
**PUTRAJAYA**

- 1. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama merafakkan kesyukuran ke-hadrat Allah Subhanahuwataa'la kerana dengan rahmat dan limpah kurnia-Nya, dapat kita berkumpul pada petang ini untuk menyempurnakan Majlis Cabutan Kerja Undi Perbadanan Putrajaya Bilangan 2 Bagi Tahun 2022.**
- 2. Kita sedang dalam proses pemulihan negara pasca pandemik, tiada siapa mampu menyangkal bahawa pandemik ini telah memberi impak yang besar kepada landskap ekonomi Malaysia dan menjejaskan mata pencarian orang ramai.**
- 3. Hampir segenap sektor telah terkesan akibat pandemik ini termasuklah sektor pembinaan, ramai kontraktor-kontraktor kecil terpaksa gulung tikar dan menceburi bidang kerja yang baharu demi kelangsungan hidup.**
- 4. Pihak Kementerian Wilayah Persekutuan sendiri sentiasa berkerjasama rapat dengan agensi-agensi dalam usaha menstruktur semula ekonomi demi kesejahteraan sosial warga Wilayah.**
- 5. Saya difahamkan ini adalah kali kedua Perbadanan Putrajaya melaksanakan cabutan kerja undi ini, di mana kali pertama telah dilaksanakan pada 29 Mac 2022.**
- 6. Pelantikan bagi kerja-kerja undi ini dilaksanakan dalam kalangan kontraktor kelas G1 (kontraktor awam/binaan) dan berdaftar di Wilayah Persekutuan Putrajaya sahaja.**
- 7. Kaedah ini adalah langkah terbaik dalam mempercepatkan pelaksanaan kerja dan membuka peluang kepada seramai mungkin kontraktor tempatan. Ia juga bertindak sebagai serampang dua mata dalam memastikan pengagihan kerja**

dilaksanakan dengan lebih telus lagi saksama di samping meneruskan agenda pembangunan wilayah yang kita cintai ini.

8. Saya juga difahamkan, susulan cabutan kerja undi yang telah dilaksanakan sebelum ini, banyak kerja-kerja kecil telah dapat diselesaikan.
9. Bagi cabutan undi kali ini, terdapat 40 bilangan kerja ditawarkan yang melibatkan peruntukan berjumlah RM1,016,437.72.
10. Saya menyeru semua kontraktor yang berjaya dalam sesi undian ini untuk sentiasa mempamerkan prestasi cemerlang serta memastikan kerja-kerja diselesaikan mengikut tempoh dan spesifikasi yang telah ditetapkan. Prestasi yang anda tunjukkan bakal memberikan impak yang besar dan merupakan cerminan kepada imej serta profil bandar raya ini.
11. Pihak kontraktor haruslah lebih tekun dan berinovasi dalam meningkatkan kemahiran dan pengetahuan terutamanya dalam industri pembinaan seiring dengan perkembangan teknologi dan peredaran zaman.
12. Di kesempatan ini saya mengucapkan tahniah kepada kesemua kontraktor yang bakal berjaya dalam sesi undian sebentar lagi. Kepada yang tidak berjaya, jangan berputus asa dan semoga beroleh peluang yang lain dalam sesi cabutan akan datang.
13. Sekian, Wabillahi al-taufik walhidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.